

tetapi dengan sifat positif itu dunia adalah terhutang budi kepadanya.

Untuk meletakkan agama sebagai anasir positif dalam kesempurnaan diri dan kemajuan masyarakat maka suatu ukuran baru kepada diri dan masyarakat hendaklah diadakan. Ukuran baru itu adalah ukuran Islam sebenar-benarnya secara penuhnya, tidak hanya sebahagian. Kita mesti mengukur nilai diri dan masyarakat kita bukan semata-mata dengan sifatnya tetapi juga dengan amalannya. Sesuatu masyarakat yang pasif atau aktif, seperti masyarakat kita ini masih boleh dipandang “baik” dari segi moral selama iaitu tidak membawa mudarat. Tetapi kebaikan seperti itu tidak cukup dalam Islam.

Falsafah akhlak Islam berpendirian bahawa tidak jahatnya atau tidak memberi mudaratnya seseorang atau sesuatu masyarakat itu tidaklah dapat meletakkan ke taraf “baik”. Kebaikan yang dikehendaki dalam Islam ialah

bahawa iaitu wujud tidak memberi mudarat tetapi memberi manfaat menurut asas Islam. Nilai inilah yang mesti kita gunakan dalam masyarakat kita sekarang supaya positif Islam itu diperhatikan. Kalau ini kita pakai-dan iaitu wajib dipakai- maka kita akan menjadi umat mencipta, bukan hanya umat mencita seperti sekarang ini.

MUKTAMAR PEMUDA ISLAM SEDUNIA

Dalam bulan Januari yang lalu. “Muktamar Pemuda Islam Sedunia” (*Mu'tamar al-Shabāb al-'Ālim al-Islāmī*) yang telah bersidang di Karachi telah dirasmikan sebagai sebuah pertubuhan yang berpelembagaan, yang bertujuan mengalirkan usaha-usaha pembangunan dan perpaduan umat Islam. Semua orang Islam-lelaki dan perempuan-yang berumur antara 16 hingga 40 tahun berhak menjadi ahlinya.

Bahasa rasmi pertubuhan ini ialah Arab dan Inggeris dan ibu pejabatnya bertempat di Karachi.



Wanita-wanita Islam yang telah menghadiri Muktamar Pemuda Islam di Karachi.